

1. Kemalangan antara dua buah kereta dengan sebuah motosikal itu menyebabkan _____ di Jalan Ipoh sesak teruk.

- ☐ A lalu lintas
- ☐ B jalan buntu
- ☐ C sekatan jalan
- ☐ D lintas langsung

2. Murid itu dipuji kerana menghasilkan _____ yang unik dan berseni.

- ☐ A titik peluh
- ☐ B buah hati
- ☐ C buah tangan
- ☐ D bekas tangan

3. Encik Tamrin dan isterinya sanggup _____ untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang berkualiti.

- ☐ A berhati waja
- ☐ B bertolak ansur
- ☐ C bertarung nyawa
- ☐ D bergolok bergadal

4. Lapangan Terbang _____ Kuala Lumpur (KLIA) yang terletak di Sepang adalah antara lapangan terbang yang termoden di Asia Tenggara.

- ☐ A Antarabangsa
- ☐ B Warganegara
- ☐ C Bumiputera
- ☐ D Kakitangan

5. Sejak dulu lagi Aisyah kurang berani untuk memandu kereta ketika cuaca mendung atau ketika malam kerana dia _____.

- ☐ A tahan lasak
- ☐ B kalis habuk
- ☐ C mabuk laut
- ☐ D rabun jauh

6. Para pengunjung program kesihatan itu berpeluang untuk mendapatkan _____ daripada pegawai kesihatan yang bertugas.

- ☐ A sari kata
- ☐ B gaya hidup
- ☐ C pelan induk
- ☐ D khidmat nasihat

7. Dia mengeluarkan _____ daripada sakunya lalu dihulurkannya kepada pengemis itu.

- ☐ A durian runtuh
- ☐ B emas putih
- ☐ C besi berani
- ☐ D duit syiling

8. Pemuda itu berasa _____ apabila lamarannya ditolak mentah-mentah oleh _____uarga gadis tersebut.

- ☐ A baik hati
- ☐ B kecil hati
- ☐ C berat hati
- ☐ D besar hati

9. Penggunaan _____ yang berlebihan dalam penanaman sayur-sayuran akan memudaratkan pengguna.

- ☐ A racun serangga
- ☐ B zat makanan
- ☐ C baja organik
- ☐ D tanah liat

10. Suasana yang bising di dalam kelas itu sebentar tadi menjadi _____ apabila guru disiplin memasuki kelas tersebut.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C lemah longlai
- ☐ D resah gelisah

11. Salah satu cara untuk menyekat wabak denggi di kawasan perumahan ialah melalui _____.

- ☐ A pancuran air
- ☐ B simbah air
- ☐ C kepulan asap
- ☐ D semburan kabus

12. _____ perlu dihantar terlebih dahulu sebelum projek itu dilaksanakan.

- ☐ A Inti sari
- ☐ B Daya cipta
- ☐ C Kertas kerja
- ☐ D Reka bentuk

13. Kesesakan _____ dapat diatasi jika orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

- ☐ A jalan raya
- ☐ B jalan buntu
- ☐ C tanah merah
- ☐ D lintasan belang

14. Berpuluh-puluh buah syarikat saham di Bursa Malaysia terpaksa menutup _____ lebih awal ekoran krisis politik yang meruncing di Amerika Syarikat.

- ☐ A duit kertas
- ☐ B urus niaga
- ☐ C tukaran asing
- ☐ D modal pusingan

15. Program Hari Mesra Penduduk itu akan berakhir pada waktu _____.

- ☐ A fajar sidik
- ☐ B lalu lintas
- ☐ C tengah hari
- ☐ D pagi petang



16. Sindiket yang menjual cakera padat cetak rompak di _____ itu berjaya ditumpaskan oleh pihak berkuasa.

- ☐ A jagat raya
- ☐ B duit minyak
- ☐ C pasar gelap
- ☐ D gulung tikar

17. Pelukis pelan itu mempunyai _____ yang tinggi untuk menghasilkan rekaan yang unik dan sesuai dengan peredaran semasa.

- ☐ A daya fikir
- ☐ B atur cara
- ☐ C reka cipta
- ☐ D reka bentuk

18. Guru besar menegaskan bahawa program Pendidikan Kesihatan merupakan acara yang penting dalam _____.

- ☐ A isu semasa
- ☐ B berita terkini
- ☐ C warta harian
- ☐ D takwim sekolah

19. Para atlet terpesona melihat pertunjukan _____ sempena majlis penutupan temasya Sukan Paralimpik Tokyo di Stadium Olimpik.

- ☐ A air terjun
- ☐ B bunga api
- ☐ C rumah api
- ☐ D tahi bintang

20. _____ syarikat itu sentiasa berpenampilan menarik dan cekap melaksanakan tugas yang diberikan.

- ☐ A Sukarela
- ☐ B Setiausaha
- ☐ C Suruhanjaya
- ☐ D Pesuruhjaya